



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
KAMPUS SAMARAHAN,
SARAWAK.**

**KAJIAN KEATAS KEBERKESANAN
PERLAKSANAAN 5S DI UiTM KAMPUS
SAMARAHAN, CAWANGAN SARAWAK.**

DISEDIAKAN OLEH:

**ABDUL HALIM BIN SAHARI. (2001490295)
ABANG ZULKERNAEN BIN ABANG KERNI.(2001650709)
ADRIANEE ZURAINEE BINTI JOHAN.(2001490423)
NORAIDA BINTI MOHD. YAK.(2001650842)**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-
UNDANG.**

ISI KANDUNGAN.

Muka surat.

Abstrak.	i
Penghargaan.	ii
Surat Akuan.	iii
BAB 1 PENGENALAN KAJIAN.	
1.1 Latar belakang.	2
1.2 Penyataan masalah.	5
1.3 Matlamat kajian.	7
1.4 Skop kajian.	10
1.5 Hipotesis kajian.	12
1.6 Kepentingan kajian.	15
1.7 Batasan kajian.	17
BAB 2 TINJAUAN KARYA,	
2.1 Pengenalan.	19
2.2 Kajian dalam negeri.	24
2.3 Kajian luar negeri.	26
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.	
3.1 Pengenalan.	29
3.2 Rekabentuk kajian.	30
3.3 Pengumpulan kajian.	32
3.4 Kaedah persampelan.	37
BAB 4 KEPUTUSAN DATA.	
4.1 Pengenalan.	40
4.2 Latar belakang responden.	41
4.3 Pengkajian dan ulasan hipotesis.	43

ABSTRAK

Kami merupakan pelajar tahun akhir Universiti Teknologi MARA (UiTMKS) untuk Fakulti Pentadbirandan Undang-Undang telah membuat satu kajian mengenai Tinjauan Keberkesanan Pelaksanaan 5S di bahagian bilik kelas belajar, pejabat pensyarah dan bahagian pengurusan. Memandangkan pelaksanaan 5S adalah masih baru dijalankan di bahagian pengurusan ini maka kami ingin melihat sejauhmanakah keberkesanan perlaksanaannya di bahagian pengurusan ini. Di samping itu juga ia bertujuan mencari jalan mewujudkan sebuah pentadbiran yang mampu menghadapi pelbagai cabaran yang ditempuhi di masa hadapan. Bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan tepat kepada pihak pengurusan yang kami temui sepanjang kajian yang dijalankan ini. Apa yang mampu kami katakana di sini ialah kajian ini akan menjadi rujukan kepada mana-mana generasi pada masa hadapan untuk mewujudkan kajian yang dapat membentuk pengurusan yang berkualiti di dalam Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan.

1.1 PENGENALAN KAJIAN

Di dalam proses memahami peranan sebenar Institusi Pengajian Tinggi Awam IPTA dengan lebih mendalam, faktor yang perlu diambil perhatian ialah sumbangan yang telah diberikan oleh institusi berkenaan. Pada hari ini, IPTA telah menempuhi satu era baru. Seiring dengan cabaran dan perkembangan teknologi maklumat dan juga komunikasi, semua IPTA mempunyai satu matlamat yang sama iaitu melahirkan para graduan yang berkualiti tinggi yang bertepatan dengan kehendak pasaran pada masakini.

Lanjutan daripada itu, kerajaan telah menjana satu kaedah agar matlamat itu tercapai dengan mengukuhkan lagi pengurusan di dalam setiap IPTA melalui pelaksanaan *Total Quality Management (TQM)* ataupun Pengurusan Kualiti Menyeluruh. Aspek penekanan juga dilihat sebagai aspek yang terpenting dalam ,menggalkan serta meningkatkan lagi kecemerlangan bagi menghadapi keperluan pelanggan yang semakin meningkat. Tahap kemajuan pelaksanaan program kualiti dapat dilihat melalui kesungguhan IPTA melaksanakan pelbagai sistem pengurusan. TQM merangkumi pelbagai jeni yang mana setiap satunya mempunyai siri yang berbeza-beza.

Di antara siri pengurusan yang berkualiti yang diamalkan oleh kebanyakan organisasi pada hari ini ialah siri ISO 9000. Siri ISO 9000 ini pula dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu ISO 9000, ISO 9001 dan juga ISO 9002.

Selain daripada itu, terdapat juga pelaksanaan konsep KAIZEN yang mana ia juga merupakan sebahagian daripada siri pengurusan yang berkualiti. Turut juga diperkatakan ialah pelaksanaan konsep pengurusan 5S di dalam sesuatu organisasi. Kesemua kaedah pengurusan yang berkualiti ini merupakan kaedah yang patut dicontohi bagi mewujudkan satu dimensi baru dalm budaya pengurusan berkualiti.

2.1 PENGENALAN.

Di dalam tinjauan karya ini ia akan membincangkan mengenai definisi kajian yang kami jalankan serta kajian-kajian lepas yang telah dilakukan di peringkat tempatan mahupun luar negara.

Di Jepun, 5S boleh dikatakan sebagai satu konsep kawalan kebersihan rumah atau tempat kerja yang menjadi asas kepada peningkatan di dalam produktiviti yang berterusan pada setiap masa.

Ia dipercayai bahawa konsep kawalan kebersihan ini meliputi kawalan di tempat kerja dan sesebuah organisasi yang mempunyai hubungan secara langsung di dalam menanam disiplin di kalangan kakitangan. Tempat kerja yang kemas di dalam sesebuah organisasi tersebut mampu mewujudkan pelbagai perubahan yang positif. Sebagai contohnya, lebih pekerja mengikut jadual, pengurangan masalah kepada teknologi pejabat dan menangani pelbagai masalah tempat yang mempunyai banyak kelemahan. Di akhir keputusan, banyak pihak termasuk kakitangan dan pelanggan sesuatu organisasi akan berpuas hati terhadap sesebuah organisasi tersebut.